



KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

LAPORAN SIASATAN EAIC KELEMAHAN PENGURUSAN MAKLUM BALAS DAN KERTAS SIASATAN OLEH CAWANGAN KAWALAN AMALAN PERUBATAN SWASTA, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

***UNTUK SIARAN SEGERA
25 JULAI 2025***

EAIC telah menerima aduan berhubung pegawai Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Putrajaya dan Melaka yang didakwa tidak memberikan maklum balas terhadap permohonan pelepasan barang sitaan yang dikemukakan oleh pengadu. Siasatan telah dijalankan berdasarkan peruntukan subseksyen 27(4), Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*].

HASIL SIASATAN

- (i) Siasatan mendapati Pegawai CKAPS Putrajaya telah gagal untuk memberikan sebarang maklum balas terhadap permohonan pelepasan barang sitaan yang dikemukakan oleh pengadu; dan
- (ii) Siasatan turut mengenal pasti kelewatan oleh Pegawai Penyiasat CKAPS Melaka dalam melengkapkan kertas siasatan selaras dengan Prosedur Operasi Piawai (SOP) Penyiasatan Kes ke atas Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan. Kelewatan ini telah menjejaskan kelancaran proses siasatan dan telah menyebabkan siasatan mengambil masa yang tidak munasabah untuk diselesaikan.

SYOR

EAIC memutuskan untuk merujuk hasil siasatan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib CKAPS, KKM dengan syor agar hukuman tatatertib dikenakan terhadap pegawai terlibat di bawah Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993], kerana kurang cekap atau kurang berusaha sebagaimana diperuntukkan di bawah Peraturan 4(2)(e) peraturan yang sama.

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**